



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



UiTM NEWS HUB

Hab Berita Rasmi UiTM



[Home](#) / [2025](#) / [July](#) / Pengantarabangsaan UiTM Perak: Perkongsian Ilmu dan Budaya Bersama Widyatama dan Cirendeu

GRU2025

24/07/2025 / SAYED MUHAMMAD AIMAN SAYED ABUL KHAIR



Bandung, Indonesia – 13 Jun 2025 — Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak terus mengorak langkah dalam memacu jaringan pengantarabangsaan menerusi pelaksanaan Program Mobiliti Pelajar selama tiga hari di Bandung, bersama Universitas Widyatama dan Komuniti Kampung Adat Cirendeu, Indonesia. Program ini menjadi platform pemerkasaan akademik dan penglibatan komuniti yang berimpak tinggi dalam usaha menjadikan UiTM sebagai institusi yang *Globally Renowned, Locally Rooted* menjelang 2025.

Program ini merangkumi pelbagai pengisian, termasuk Sesi penanda aras akademik bersama Universitas Widyatama, Perbincangan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) merangkumi pertukaran pelajar dan pensyarah, pelaksanaan kuliah tamu serta penyelidikan bersama serta Projek University Social Responsibility (USR) dan Knowledge Transfer Programme (KTP) bersama Komuniti Kampung Adat Cirendeu.



Salah satu komponen utama ialah bengkel visual dan fotografi yang dikendalikan oleh Ts. Ahmad Sofiyuddin Mohd Shuib, pensyarah dari Jabatan Grafik, UiTM Cawangan Perak, yang membantu komuniti kampung adat dalam aspek pemasaran digital. Bengkel ini turut melibatkan 10 orang pelajar dan pensyarah UiTM Perak, yang berpeluang mendekati keunikan budaya Sunda melalui seni bina tradisional, hasil kraftangan, makanan berasaskan ubi kayu (singkong) serta persembahan alat muzik angklung, yang menjadi identiti budaya tempatan.

Pengalaman merentas budaya ini bukan sahaja memperluas perspektif pelajar terhadap kelestarian budaya dan kearifan lokal, malah memperkukuh hubungan strategik antara UiTM dan komuniti setempat, selaras dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi

Pengantarabangsaan UiTM Perak: Perkongsian Ilmu dan Budaya Bersama Widyatama dan Cirendeu – UiTM NewsHub Negara (PSTPN). Kolaborasi ini juga membuka ruang kepada pembangunan modul antarabangsa, pertukaran ilmu secara rentas sempadan, serta penyelidikan kolaboratif yang relevan dengan keperluan semasa.

Usaha ini membuktikan komitmen UiTM dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja berpengetahuan global, tetapi juga cakna terhadap nilai tempatan dan tanggungjawab sosial, seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan komuniti serantau.

 Share

 Share

 Post

Tags: [Komuniti Kampung Adat Cirendeu](#), [UiTM Cawangan Perak](#), [Universitas Widyatama](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

 [UiTM Sabah Jayakan Program JPK Prihatin: Misi Amal Madrasah Telibong Untuk Santuni Pelajar Muallaf dan Asnaf](#)

[UiTM Pulau Pinang Semarakkan Pemuliharaan Alam Sekitar Melalui Program Mangrove Mania 2025](#) 

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000



Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress